

23/08/2002

Kuim lahirkan 40 peratus pelajar sarjana, kedoktoran

BANDAR BARU NILAI, Khamis - Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) yang muncul sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ke-12 negara ini menetapkan pelajar peringkat sarjana dan kedoktoran akan merangkumi 40 peratus daripada setiap pengambilannya.

Ini sejajar dengan tumpuan Kuim untuk menjalankan kerja penyelidikan berdasar keperluan semasa.

Pengerusi Lembaga Pengarah Kuim, Tan Sri Dr Mohamad Yusof Nor, berkata Kuim ditubuhkan untuk menjadi Universiti Islam terkini dalam pengajian pendidikan dan penyelidikan.

Katanya, pelajar ijazah pertama mengikuti pelbagai bidang ilmu seperti pengajian Islam, sains dan teknologi serta perubatan.

"Kuim akan mempertahankan imej kawasan MSC (Koridor Raya Multimedia) bukan saja menerusi pengajian teknologi maklumat, tetapi kualiti siswazah yang berdisiplin, berpandangan jauh, sederhana dan jauh sekali menjadi pelampau," katanya, hari ini.

Beliau berkata demikian pada majlis pecah tanah kampus tetap Kuim di sini yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kuim diluluskan penubuhannya oleh Kabinet pada 11 Jun 1997 dan diwartakan pada 12 Mac 1998. Ia kini beroperasi sementara di Menara Pandan, Pandan Indah Kuala Lumpur.

Kampus tetap di Bandar Baru Nilai meliputi kawasan seluas 188 hektar dan dimajukan kepada dua fasa dengan fasa pertama dijangka digunakan mulai sesi akademik 2004/2005 yang mampu menampung kira-kira 5,000 pelajar.

Fasa kedua pula dijangka siap sepenuhnya pada 2010 dan akan menampung hingga 10,000 pelajar.

Melalui Hala Tuju 2000-2010, Kuim merancang menubuhkan tujuh fakulti dan tiga pusat kecemerlangan.

Setakat ini, empat fakulti ditubuhkan, iaitu Fakulti Syariah dan Kehakiman, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam serta Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Mohamad Yusof berkata, pembinaan kampus tetap Kuim dirancang teliti berdasarkan teknologi moden dengan mengambil kira keperluan fizikal dan kerohanian.

Katanya, ini kerana kampus itu bukan saja mencerminkan kesucian agama Islam, tetapi menggambarkan sifat sebenar umat Islam, iaitu toleransi, maju, moden dan progresif.

Beliau berkata, Kuim mendapat kerjasama erat Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan dan kerajaan negeri untuk mendapatkan tapak di Bandar Baru Nilai bagi pembinaan kampus tetap itu.